

Prospek ekonomi jika sanggup beke

BH 10 FEB 1991

DrNS: Perdana Menteri, tuan-tuan, saya yakin tidak banyak masalah mengenai cara pencapaian ekonomi negara beberapa tahun lalu. Amat menarik perhatian, dalam tempoh tiga tahun lalu bermula 1988, dengan pertumbuhan 8.9 peratus, 8.0 peratus pada 1989 dan tahun lalu, kita mencapai 9.4 peratus; secara purata kita mencapai pertumbuhan lebih sembilan peratus dan kira-kira tiga peratus melebihi pencapaian pertumbuhan purata negara yang dikenali sebagai 'harimau ekonomi' di Asia Timur.

Dengan itu, kita berada dalam keadaan selesa untuk menghadapi masa depan. Bagaimanapun masa depan itu mempunyai beberapa kesukaran, mungkin daripada kesan Perang Teluk, mungkin ekoran kelembapan yang dihadapi oleh Amerika Syarikat, Kanada, United Kingdom dan negara-negara OECD sekarang.

Mungkin kita boleh mulakan dengan soalan umum ini. Bagaimana PM melihat prospek ekonomi Malaysia dalam beberapa minggu, bulan dan tahun lagi?

PM: Saya fikir prospek masih baik, tetapi ia bergantung kepada banyak perkara, bagaimana kita menilai keadaan dunia, dan sudah pasti kita banyak bergantung kepada bagaimana negara lain bertindak, terutama rakan dagang kita. Memang tidak diragukan lagi, sebilangan rakan dagang utama kita akan menghadapi kelembapan jika mereka belum lagi mengalaminya.

Kita, sebagai negara perdagangan, banyak bergantung kepada pencapaian rakan dagang kita. Jika pencapaian mereka kurang baik, sudah tentu mereka tidak akan banyak membeli daripada kita dan itu akan menjejaskan ekonomi kita. Oleh itu, kita mahu mereka mencatat pencapaian yang baik, tetapi kadangkala mereka juga seperti kita, menghadapi kesukaran untuk mengawal pencapaian ekonomi. Tetapi dalam negara, kita adalah tuan.

Oleh itu, jika kita merancang dengan betul, jika kita terus produktif, terus meningkatkan kecekapan, jika kita sanggup bekerja keras, jika kita sedia menerima program yang dibuat untuk meletakkan ekonomi pada landasan yang betul, saya yakin kita boleh menghadapi ini, walaupun saya fikir pencapaian kita tahun ini dan beberapa tahun lagi tidak sebaik tahun lalu, sebagai contoh.

DrKS: Mengambil kira keadaan (ekonomi) luar negara yang mungkin semakin lemah ekoran Perang Teluk, bagaimanakah persediaan kita, terutama daripada pandangan kerajaan sendiri, dalam usaha memenuhi kekurangan bagi mengekalkan permintaan dalam negara yang menjadi faktor penting pertumbuhan yang berterusan pada masa akan datang?

Malam tadi RTM menyiarkan wawancara beberapa ahli ekonomi dan kajian strategik negara dengan Perdana Menteri, **Datuk Seri** Dr Mahathir Mohamad. Wawancara itu menyentuh pelbagai perkara penting yang bukan sahaja membayangkan wawasan Perdana Menteri terhadap masa depan ekonomi negara, tetapi apakah yang perlu dilakukan bagi menjadikan wawasan itu satu kenyataan. Disiarkan bahagian pertama daripada sedutan wawancara itu.



kewangan dan beberapa bidang lain. Mereka kurang berminat ke bidang pengilangan, kerana ia adalah bidang jangka panjang. Ia mengambil masa lama untuk mendatangkan hasil dan mereka juga tidak tahu mengenai teknologi atau pasaran.

Justeru itu, kita terpaksa terus bergantung kepada penyertaan asing. Tetapi jika kita belajar, dan kita sedia menanggung risiko, saya fikir kita akan kurang bergantung kepada penyertaan asing dalam bidang ekonomi. Sudah pasti ketika itu kerajaan akan memberi setiap pertimbangan kepada sektor dalam negara. Berikan mereka apa-apa keistimewaan yang mereka harapkan. Jika tidak, kita tidak boleh menarik penyertaan asing kerana mereka mempunyai banyak pilihan, mereka boleh pergi ke tempat lain.

DrNS: Tetapi walaupun sewaktu kita memberi penekanan kepada penyertaan asing, tidakkah ini masa yang sesuai juga untuk melancarkan sesuatu seperti mencuba satu galakan kepada pelabur tempatan dan menarik lebih ramai pelabur tempatan menyertai bidang-bidang seperti pengilangan?

PM: Kita telah cuba ajak mereka dan kita berjaya walaupun jumlahnya adalah agak kecil. Lebih banyak syarikat tem-

PM: Saya fikir kedudukan ekonomi kita lebih baik daripada sebahagian besar negara lain di rantau ini. Dalam tiga atau empat tahun lalu sumbangan dalaman kepada pertumbuhan negara amat ketara. Kehidupan rakyat secara keseluruhannya lebih baik dan oleh itu, mereka mampu menyertai kegiatan ekonomi dan membeli lebih banyak.

Dan kerana itu, ia memberi sumbangan kepada sektor pertumbuhan dalaman. Sudah pasti sekarang, kita perlu memahami sebanyak mana penggunaan kita, banyak mana kita harus mengimport dan secepat mana pengeluaran kita, apa pun barangan yang kita jual. Ini bermakna sumbangan dalaman mampu memenuhi sebahagian besar kekurangan.

Pada masa yang sama, sudah pasti kita bernasib baik kerana kita ialah pengeksport minyak. Itu terdedah kepada kesan sebarang kenaikan atau kejatuhan harga pasaran minyak. Kita sekali lagi bernasib baik kerana apabila harga minyak naik sehingga AS\$40 (kira-kira M\$108), kita tidak menaikkan harga runcit barangan petroleum.

Jika kita berbuat demikian (menaikkan harga barangan petroleum), apa yang berlaku ialah harga barangan lain dan pengangkutan akan naik. Dan bila harga minyak turun, harga barangan itu tidak mengikut harga minyak. Mereka hanya mengikut bila harga minyak naik, tetapi tidak pernah berbuat demikian ketika harga jatuh. Sejak kita tidak menaikkan harga minyak, walaupun harga minyak dunia tinggi, kita mampu mengekalkan satu kadar inflasi yang terurus.

TSN: Saya fikir penilaian YAB mengenai ekonomi antarabangsa amat tepat dan kekurangan atau kelembapan memang yang sedang dialami. YAB menyatakan kita mesti mempunyai beberapa program untuk menghadapi kelembapan. Boleh saya tanya sama ada kerajaan berhasrat membuat lebih banyak galakan kepada sektor dalam negara supaya pencapaiannya lebih baik? Ada beberapa pendapat bahawa sektor luar negara dilihat lebih mendapat keutamaan berbanding sektor dalam negara.

PM: Kelihatannya kita memberi keutamaan kepada sektor luar negara. Malangnya, itu adalah sesuatu yang perlu. Kita tidak mempunyai kepakaran, pengetahuan mengenai pasaran untuk mempercepatkan pertumbuhan ekonomi dengan bergantung kepada sektor dalam negara sahaja. Apabila kita membawa penyertaan asing, sudah pasti kita mengharapkan rakyat kita sendiri kemudiannya akan mempunyai arah baru dalam kegiatan perniagaan masing-masing.

Ketika ini, rakyat Malaysia menumpukan perhatian kepada bidang tertentu yang sudah terlalu banyak diceburi, seperti memajukan tanah dan projek perumahan, menanam kelapa sawit,

tempat menyertai sektor pengilangan sekatang berbanding sebelumnya. Tetapi itu tidak mencukupi. Sudah tentu tidak cukup bagi kita untuk bergantung sepenuhnya kepada penyertaan tempatan. Ia memerlukan sedikit masa. Rakyat Malaysia yang berwang harus menerima hakikat bahawa ia memerlukan masa untuk menyertai sektor pengilangan, yang mana kadangkala memang memaksa kerajaan menyertainya.

Sebagai contoh, jika kita bertanya sektor swasta kenapa tidak melabur \$800 juta untuk mengeluarkan kereta, saya rasa mereka tidak akan berbuat demikian. Atau dalam kilang besi pun, atau mana-mana industri bermodal besar yang mempunyai tempoh memperoleh pulangan — kadangkala lima atau enam tahun. Mereka lebih suka membeli saham dan membuat untung keesokannya. Jika kita mempunyai wang, apa peduli. Pemikiran seperti ini masih wujud kerana kita tidak mempunyai sejumlah modal atau pengetahuan keusahawanan dan kepakaran bagi mereka mengisi sektor tertentu ke tahap yang membolehkan mereka berpindah ke sektor lain.

TSN: Perasaan inilah, dalam konteks Dasar Ekonomi Baru, rakyat asing diberi layanan lebih baik daripada pelabur tempatan. Dan kerana itu, ia menggalakkan pelaburan jangka pendek daripada apa yang YAB katakan tadi, menyertai pelaburan jangka panjang yang bermodal lebih besar. Mungkin tanggapan ini, yang barangkali perlu diperbetulkan, menyebabkan mereka tidak mempunyai satu alasan kukuh untuk menyertai bidang lebih besar.

PM: Itu hanyalah satu tanggapan. Satu perbezaan yang boleh saya lihat ialah pelabur tempatan diminta mengagihkan saham di kalangan mereka, bukan tertumpu kepada satu kaum. Dalam kata lain, mesti ada unsur penyertaan Bumiputera. Ini penting kerana selain kepakaran untuk mendapatkan keuntungan, kita juga perlu satu keadaan yang dapat membantu usaha itu. Jika kestabilan politik tidak wujud, tidak ada kepakaran, tidak ada wang yang boleh dilaburkan.

Kita sudah melihat banyak negara yang tidak mempunyai kestabilan politik walaupun rakyatnya memang bagus dalam pelbagai bidang perniagaan, mereka tidak dapat melakukannya dan pelabur tidak mahu datang ke negara-negara itu. Oleh itu, kita kata anda perlu membuat sedikit pengorbanan, jika tidak anda akan diberi layanan seperti pelabur asing yang lain. Bagaimanapun, pengorbanan yang kecil itu pula hanya mengenai pengagihan kekayaan dan ini tidaklah banyak sangat.

Kita juga sanggup bertolak ansur jika kita dapati adalah mustahil bagi Bumiputera mengambil saham mereka kerana mereka tidak mempunyai wang, mereka tidak berminat dan

PM: Saya fikir kedudukan ekonomi kita lebih baik daripada sebahagian besar negara lain di rantau ini. Dalam tiga atau empat tahun lalu sumbangan dalaman kepada pertumbuhan negara amat ketara. Kehidupan rakyat secara keseluruhannya lebih baik dan oleh itu, mereka mampu menyertai kegiatan ekonomi dan membeli lebih banyak.

Dan kerana itu, ia memberi sumbangan kepada sektor pertumbuhan dalaman. Sudah pasti sekarang, kita perlu memahami sebanyak mana penggunaan kita, banyak mana kita harus mengimport dan secepat mana pengeluaran kita, apa pun barangan yang kita jual. Ini bermakna sumbangan dalaman mampu memenuhi sebahagian besar kekurangan.

Pada masa yang sama, sudah pasti kita bernasib baik kerana kita ialah pengeksport minyak. Itu terdedah kepada kesan sebarang kenaikan atau kejatuhan harga pasaran minyak. Kita sekali lagi bernasib baik kerana apabila harga minyak naik sehingga AS\$40 (kira-kira M\$108), kita tidak menaikkan harga runcit barangan petroleum.

Jika kita berbuat demikian (menaikkan harga barangan petroleum), apa yang berlaku ialah harga barangan lain dan pengangkutan akan naik. Dan bila harga minyak turun, harga barangan itu tidak mengikut harga minyak. Mereka hanya mengikut bila harga minyak naik, tetapi tidak pernah berbuat demikian ketika harga jatuh. Sejak kita tidak menaikkan harga minyak, walaupun harga minyak dunia tinggi, kita mampu mengekalkan satu kadar inflasi yang terurus.

TSN: Saya fikir penilaian YAB mengenai ekonomi antarabangsa amat tepat dan kekurangan atau kelembapan memang yang sedang dialami. YAB menyatakan kita mesti mempunyai beberapa program untuk menghadapi kelembapan. Boleh saya tanya sama ada kerajaan berhasrat membuat lebih banyak galakan kepada sektor dalam negara supaya pencapaiannya lebih baik? Ada beberapa pendapat bahawa sektor luar negara dilihat lebih mendapat keutamaan berbanding sektor dalam negara.

PM: Kelihatannya kita memberi keutamaan kepada sektor luar negara. Malangnya, itu adalah sesuatu yang perlu. Kita tidak mempunyai kepakaran, pengetahuan mengenai pasaran untuk mempercepatkan pertumbuhan ekonomi dengan bergantung kepada sektor dalam negara sahaja. Apabila kita membawa penyertaan asing, sudah pasti kita mengharapkan rakyat kita sendiri kemudiannya akan mempunyai arah baru dalam kegiatan perniagaan masing-masing.

Ketika ini, rakyat Malaysia menumpukan perhatian kepada bidang tertentu yang sudah terlalu banyak diceburi, seperti memajukan tanah dan projek perumahan, menanam kelapa sawit,

tempat menyertai sektor pengilangan sekatang berbanding sebelumnya. Tetapi itu tidak mencukupi. Sudah tentu tidak cukup bagi kita untuk bergantung sepenuhnya kepada penyertaan tempatan. Ia memerlukan sedikit masa. Rakyat Malaysia yang berwang harus menerima hakikat bahawa ia memerlukan masa untuk menyertai sektor pengilangan, yang mana kadangkala memang memaksa kerajaan menyertainya.

Sebagai contoh, jika kita bertanya sektor swasta kenapa tidak melabur \$800 juta untuk mengeluarkan kereta, saya rasa mereka tidak akan berbuat demikian. Atau dalam kilang besi pun, atau mana-mana industri bermodal besar yang mempunyai tempoh memperoleh pulangan — kadangkala lima atau enam tahun. Mereka lebih suka membeli saham dan membuat untung keesokannya. Jika kita mempunyai wang, apa peduli. Pemikiran seperti ini masih wujud kerana kita tidak mempunyai sejumlah modal atau pengetahuan keusahawanan dan kepakaran bagi mereka mengisi sektor tertentu ke tahap yang membolehkan mereka berpindah ke sektor lain.

TSN: Perasaan inilah, dalam konteks Dasar Ekonomi Baru, rakyat asing diberi layanan lebih baik daripada pelabur tempatan. Dan kerana itu, ia menggalakkan pelaburan jangka pendek daripada apa yang YAB katakan tadi, menyertai pelaburan jangka panjang yang bermodal lebih besar. Mungkin tanggapan ini, yang barangkali perlu diperbetulkan, menyebabkan mereka tidak mempunyai satu alasan kukuh untuk menyertai bidang lebih besar.

PM: Itu hanyalah satu tanggapan. Satu perbezaan yang boleh saya lihat ialah pelabur tempatan diminta mengagihkan saham di kalangan mereka, bukan tertumpu kepada satu kaum. Dalam kata lain, mesti ada unsur penyertaan Bumiputera. Ini penting kerana selain kepakaran untuk mendapatkan keuntungan, kita juga perlu satu keadaan yang dapat membantu usaha itu. Jika kestabilan politik tidak wujud, tidak ada kepakaran, tidak ada wang yang boleh dilaburkan.

Kita sudah melihat banyak negara yang tidak mempunyai kestabilan politik walaupun rakyatnya memang bagus dalam pelbagai bidang perniagaan, mereka tidak dapat melakukannya dan pelabur tidak mahu datang ke negara-negara itu. Oleh itu, kita kata anda perlu membuat sedikit pengorbanan, jika tidak anda akan diberi layanan seperti pelabur asing yang lain. Bagaimanapun, pengorbanan yang kecil itu pula hanya mengenai pengagihan kekayaan dan ini tidaklah banyak sangat.

Kita juga sanggup bertolak ansur jika kita dapati adalah mustahil bagi Bumiputera mengambil saham mereka kerana mereka tidak mempunyai wang, mereka tidak berminat dan

DrNS: YAB sebenarnya menekankan bahawa sektor swasta terus menjadi jentera utama pertumbuhan. Oleh itu, bagaimana dengan sektor awam? Apakah fungsi mereka dalam hubungan ekonomi keseluruhannya ketika itu?

PM: Sektor awam lebih tertumpu kepada usaha mewujudkan keadaan sekitaran, mengawasi undang-undang dan peraturan. Beraniaga sebenarnya bukanlah bidang Kerajaan. Apabila kita berani, kita gagal melakukannya. Kita tidak berkesan, dan salah satu daripada contohnya ialah Telekom. Kita memperolehi keuntungan apabila mengendali Telekom. Tetapi apabila ia dipindahkan kepada sektor swasta ia beberapa kali lebih baik berbanding ketika dikendalikan oleh kerajaan. Ada perbezaan sikap.

Apabila anda dalam kerajaan, membuat keuntungan bukanlah perkara utama. Hanya menjalankannya agar ia memenuhi keperluan tertentu. Itu saja yang diperlukan. Tetapi dalam sektor swasta, anda perlu membuat keuntungan dan memastikan pengurusan yang baik demi kepentingan pemegang saham. Jika tidak, anda akan dibuang. Kita tidak boleh membuang pegawai-pegawai kerajaan.

DrNS: Oleh itu, anda tidak berkata birokrat atau kakitangan dalam sektor awam kurang berkesan. Tetapi anda hanya menyatakan cara mereka beroperasi menyebabkan mereka kurang berkesan.

PM: Ia membabitkan keadaan sekitaran. Malah birokrat yang sama jika mereka bekerja di sektor swasta akan melakukan sesuatu yang berbeza.

Sebagai contoh, Jabatan Telekom tidak pernah memikirkan untuk membuka Kedai Telekom dan menggalakkan penggunaan telefon. Tetapi apabila anda bekerja dengan sektor swasta, kakitangan kerajaan yang sama mula berfikir bahawa untuk memastikan kehadirannya, untuk memperolehi keuntungan dan mendapat bonus serta pendapatan yang lebih baik, beliau perlu memastikan kejayaan syarikat. Ini yang perlu dilakukan kerana dia sekarang hidup dalam keadaan sekitaran yang berbeza falsafahnya.

TSN: Saya berbangga menjadi bekas kakitangan awam dan saya gembira apabila YAB berkata bukan perkhidmatan awam yang salah, tetapi sebenarnya sistem yang salah, kerana mereka adalah orang yang sama. Anda betul dalam hal ini. Orang yang sama menjalankan keretapi, atau pelabuhan, atau Tenaga Nasional atau STM. Tetapi bolehkah diadakan motivasi yang sama dalam kerajaan agar perkhidmatan awam lebih berkesan? Saya percaya terlalu banyak timbang tara dan birokrasi yang menghalang kakitangan awam dan tidak membenarkan mereka memberi khidmat yang berkesan.

PM: Kita melakukan pelbagai perkara untuk mengemaskinikan kemahiran dan sikap kakitangan kerajaan. Kita mempunyai banyak idea baru dan cadangan. Sebagai contoh, pada masa lalu, kakitangan awam dibiarkan untuk melaksanakan projek. Kini, kita mempunyai carta aliran kerja. Kita tahu apa yang hendak dilakukan apabila sesuatu kerja diberikan kepada jabatan tertentu. Mereka perlu melakukan perkara tertentu.

Pegawai tertentu akan melakukan sesuatu kerja, kemudian diserahkan kepada seorang pegawai lagi dan seterusnya kepada pegawai yang lain. Kita corakkannya seperti seorang juruterbang mengemudikan kapalterbangnya. Mereka mempunyai checklist. Pembantu juruterbang membaca checklist dan juruterbang menandakan apa yang sudah dilakukan. Saya fikir sikap dan pendekatan yang sama digunakan oleh kerajaan.

Kita juga memastikan kakitangan kerajaan merasakan bahawa dia adalah sebahagian daripada syarikat, sebuah syarikat yang besar dikenali sebagai negara. Dan apabila negara maju, kakitangan kerajaan juga akan maju, tetapi kita tidak boleh membayar kenaikan gaji, melainkan kita mempunyai wang.

DrNS: Adakah ini hubungan persefahaman antara sektor awam dan swasta, mungkin idea yang sesetengah orang mengatakan Persyarikatan Malaysia. Adakah idea ini berkembang atau kita perlu pertingkatkan dalam bulan dan tahun yang akan datang?

sedikit campur tangan daripada kerajaan kerana kita perlu melindungi kepentingan awam. Kita mengamalkan kerajaan demokrasi. Jika kita tidak melindungi kepentingan awam, kita tidak akan dipilih semula (dalam pilihanraya). Perkara inilah yang menjadi keutamaan kita.

Walaupun penswastaan bermakna penguasaan sepenuhnya ke atas syarikat, mereka masih tidak bebas untuk melakukan apa saja. Dalam hal lain, penguasaan kerajaan sepenuhnya ke atas agensi yang diswastakan itu juga memberi kesan buruk dan tidak wajar sama sekali. Sama ada sektor swasta atau awam, sebenarnya ia tidak banyak berbeza. Yang membezakannya ialah sikap untuk memerintah dan sikap rakyat keseluruhan.

DrNS: Dengan itu bolehkah kita mengatakan kerajaan akan mempertingkatkan rancangan penswastanya? Pada masa yang sama juga memelihara tanggungjawab sosial ke atas agensi yang diswastakan?

PM: Betul. Kita sentiasa memerhatikan apa yang berlaku ke atas agensi yang diswastakan. Kementerian sekarang menjadi pihak berkuasa yang menyelia pengurusan penswastaan sesebuah agensi. Kita juga mempunyai bahagian khusus untuk meneliti setiap tindakan sektor swasta sama ada mereka melaksanakan tanggungjawab sosial atau tidak.

TSN: Saya merasakan bahawa terdapat sokongan yang kuat kepada dasar penswastaan. Bagaimanapun, masih ada ruang atau semacam penolakan terhadap dasar itu. Dasar Perbadanan misalnya. Saya fikir sebahagian perkhidmatan awam dirasakan bahawa penswastaan dan perbadanan hanya menguntungkan sesetengah pihak dan bukan seluruh masyarakat. Mereka juga, sepertimana yang sepatutnya, mengambil kira hak keperluan awam dengan kepemimpinan, yang sudah tentu daripada kalangan pemimpin politik. Ini menimbulkan masalah. Saya tidak tahu bagaimana masalah ini dapat diatasi.

PM: Saya fikir, jika kita berpendapat bahawa kehidupan tidak akan berlaku adil kepada semua orang, yang mana sesetengah orang berjaya dan yang lain tidak, sudah tentu kita tidak berasa terlalu kecewa. Jelaslah, bagi agensi kerajaan yang diswastakan, kakitangan terbabit berasa sangat gembira kerana mereka akan memperolehi gaji lebih baik. Bagi sesetengah kes, mereka memperolehi pendapatan dua kali ganda daripada sebelumnya. Mereka layak membeli saham syarikat dan dibayar bonus jika menunjukkan prestasi kerja yang baik.

Kakitangan kerajaan pula tidak merasai nikmat seumpama itu. Bagaimanapun, mereka tetap memperolehi kemudahan berkenaan dalam jangka masa panjang. Seperti yang saya katakan, kita akan memperolehi lebih banyak wang untuk membolehkan kita membayar gaji lebih baik kepada kakitangan awam. Tetapi, mereka sudah tentu tidak berpeluang mendapat gaji dua kali ganda, tidak menerima bonus dan membeli saham, syarikat kerana jabatan atau agensi mereka tidak diswastakan.

Oleh itu, jika kita mahu berlaku adil, kita perlulah mengamalkan ideologi komunis dalam membahagikan kekayaan supaya semua orang memperolehi keuntungan sama rata. Kesannya, mereka yang cekap dan rajin bekerja akan menjadi malas semata-mata kerana memikirkan, mereka tetap mendapat jumlah yang sama dengan orang lain. Jadi, kita perlu menerima hakikat bahawa sebahagian orang akan memperolehi pendapatan lebih, manakala sebahagian yang lain mendapat pendapatan kurang.

Apa yang boleh kita lakukan ialah membantu mereka yang kurang berkemampuan supaya mereka juga mendapat peluang ekonomi sewajarnya. Bagaimanapun, kita tidak boleh menjamin pegawai tertinggi kerajaan akan menerima pendapatan sama banyak dengan mereka yang berkhidmat dengan agensi awam yang diswastakan, iaitu sebanyak \$25,000 lebih banyak daripada gaji saya atau gaji Ketua Setiausaha Negara. Namun, kita perlu menerima hakikat ini.